



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM FOODUNITES
INI WARISAN KITA**

3 FEBRUARI 2024 (SABTU)

10.00 PAGI

KUCHING WATERFRONT, SARAWAK

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

*disediakan secara berasingan

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam **Program Foodunites Ini Warisan Kita @ Kuching Waterfront Sarawak** pada hari ini.
2. Kita juga sedia maklum yang setiap kaum di Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan kaum-kaum lain mempunyai **adat dan budaya** tersendiri yang telah membentuk kepelbagaian dalam masyarakat melalui aspek **bahasa, permainan tradisional, adat resam, makanan serta kesenian dan alat muzik tradisional**.
3. Oleh itu, adalah **penting untuk kita semua meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan yang dapat merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia**.

SEMARAK PERPADUAN MELALUI MAKANAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dimuliakan,

6. Kepelbagaian jenis makanan di negara ini, merupakan satu keunikan yang jarang ditemui di negara-negara lain di dunia.
7. Selain makanan asli yang berasal dari setiap negeri di Malaysia, **pertembungan budaya dalam bentuk kulinari ini turut memperlihatkan keupayaan kita menghasilkan menu makanan gabungan (*fusion*) bagi menepati cita rasa anak tempatan.**
8. Makanan memainkan peranan yang amat penting, bukan sahaja ia menjadi sumber tenaga untuk kelangsungan hidup manusia, tetapi juga mempunyai sejarah dan nostalgianya tersendiri dalam **merencana ketamadunan sesuatu bangsa.**
9. Makanan Malaysia pada ketika ini bertindak **sebagai satu wadah komunikasi yang menjadi pemangkin kepada penyebaran budaya dan berupaya menyatukan kita semua dalam keadaan aman damai dan harmoni.**

PROGRAM FOODUNITES: INI WARISAN KITA

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Sebagai menghargai kekayaan warisan dan khazanah kepelbagaian etnik negara, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Program Foodunites** pada **Oktober 2023** yang lalu.
11. Siri pertama telah diadakan di **Shah Alam, Selangor** bagi **menu Nasi Lemak** yang tentunya merupakan makanan pilihan semua rakyat Malaysia. Program tersebut juga telah **mencatatkan rekod nasi lemak paling banyak terjual dalam sehari di Malaysia Book of Records**.
12. **Foodunites** merupakan tapak integrasi baharu yang akan diketengahkan sebagai salah satu platform untuk mengukuhkan jalinan interaksi sosial '*inter*' dan '*intra*' etnik di Malaysia untuk menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui makanan .

13. Saya juga ingin umumkan bahawa **Program Foodunites akan dilaksanakan di 13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan** bagi menyemarakkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pendekatan warisan makanan. KPN bercadang untuk melaksanakan program ini di Negeri Melaka dengan menampilkan menu warisan Melaka iaitu Asam Pedas.

MAKAN SAMA-SAMA EDISI LAKSA SARAWAK

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

14. Pada hari ini kita berpeluang untuk bersama-sama dalam segmen yang melibatkan makanan warisan masyarakat Sarawak **iaitu Laksa Sarawak**. Saya difahamkan Program Foodunites pada kali ini telah mengumpulkan **lebih daripada sepuluh (12) gerai Laksa Sarawak** yang mempunyai keunikannya tersendiri. Antaranya:

1. King's Laksa
2. Kafe Serambi
3. Big Prawn Noodle & Laksa
4. Sumiran Cafe
5. Dhie Laksa
6. The Table Ibu

7. Mom's Laksa
8. Lala Laksa
9. Ain Little Kitchen
10. Mangkuk Bocor
11. Kak Nah Laksa Sarawak
12. Mee Kolok Sarawak

15. Dengan ini, saya berbesar hati ingin mengumumkan bahawa **kesemua premis restoran ini diberikan pengiktirafan sebagai Citarasa Menu Kami** kerana telah berjaya mengetengahkan premis makanan yang menghimpunkan detik-detik perpaduan melalui hidangan pilihan makanan rakyat Malaysia.

16. Selain itu, turut terdapat **enam (6) makanan tradisi utama lain** dalam acara Foodunities ini seperti **nasi lemak, kuey teow goreng, ayam pansuh, nasi bryani, kek lapis dan latok.**

17. Saya juga ingin menjemput kesemua tetamu yang hadir pada hari ini untuk menyertai pelbagai aktiviti menarik yang telah disusun sepanjang tempoh **dua (2) hari program ini berlangsung.**

18. Pelbagai aktiviti sampingan turut disediakan bagi **memupuk satu jalinan perhubungan positif dan kefahaman dalam menghargai kepelbagaian budaya.**

Antaranya:

- Demo makanan tradisional
- Dendangan muzik etnik
- Cuba rasa kopi
- Kopi dan puisi
- Cabaran meja perpaduan
- Cabaran makan laksa
- Permainan tradisional
- Chef cilik

19. Saya harap usaha ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat kita khususnya dalam **mengenali warisan kita melalui makanan.** Ini juga merupakan usaha untuk mengiktiraf dan menghargai keunikan adat budaya warisan setiap kaum yang merupakan aset negara.

20. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan **terima kasih dan penghargaan kepada rakan strategik perpaduan** yang menjayakan program Foodunites ini iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuching Utara
- Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- TV Sarawak
- Jabatan Penerangan
- Unit Komunikasi Awam Sarawak
- Jabatan Warisan Malaysia
- Kraftangan Malaysia
- Jabatan Penyiaran Malaysia
- Universiti Malaysia Sarawak
- Universiti Teknologi Mara

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

21. Dengan meraikan kepelbagaian, mempromosikan kebersamaan, menyediakan tapak integrasi dan peluang pertukaran budaya serta warisan, diharap penganjuran **program ini akan dapat mengeratkan lagi kesatuan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat kita.**

*Pagi hari pergi ke pekan,
Pulang membawa sebungkus Laksa,
Hidup muhibah perlu diamalkan,
Malaysia harmoni berbilang bangsa.*

22. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Foodunites Ini Warisan Kita @ Kuching Waterfront, Sarawak.**